

Title	Newspaper	Day	Date
IAP berlandaskan syariah kumpul dana RM300juta	Kosmo!	Khamis	18 Februari 2016

## IAP berlandaskan syariah kumpul dana RM300 juta

**KUALA LUMPUR** – Enam institusi perbankan Islam tempatan memperkenalkan platform teknologi kewangan pengantara bank (fintech) berlandaskan syariah pertama semampamanya, Platform Akaun Pelaburan (IAP).

Ia dibangunkan menerusi IAP Integrated Sdn. Bhd. (IAP Integrated), anak syarikat milik penuh Raeed Holdings Sdn. Bhd. (Raeed Holdings).

Raeed Holdings merupakan sebuah konsortium yang terdiri daripada Affin Holdings Bhd. (Affin), Bank Islam Malaysia Bhd. (Bank Islam), Bank Muamalat Malaysia Bhd. (Bank Muamalat), Maybank Islamic Bhd. (Maybank Islamic), Bank Rakyat dan Bank Simpanan Nasional (BSN).

Ketua Pegawai Ekse-



ZETI (empat dari kiri) bersama pengurusan kanan yang mewakili institusi perbankan masing-masing pada majlis pelancaran IAP di Kuala Lumpur semalam.

kutif IAP Integrated, Mohamed Izam Mohamed Yusof berkata, platform pelaburan tersebut akan berfungsi sebagai pusat pasaran untuk membiayai perniagaan bersaiz kecil dan sederhana.

Ia juga dilihat sebagai mekanisme untuk mem-

bantu pelabur dalam memahami risiko sebelum membuat pelaburan.

“Sama seperti platform fintech yang lain seperti *crowd-funding* dan platform pinjaman, IAP membantu pelaburan langsung yang dibuat oleh pelabur ke dalam bidang usaha

niaga berdaya maju pilihan mereka.

“Perbezaan utamanya ialah peranannya yang dilaksanakan oleh syarikat perbankan Islam yang menawarkan ciri-ciri patuh syariah,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran IAP di sini

semalam.

Turut hadir Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz.

Sementara itu, menurut Mohamed Izam, pihaknya menyasarkan untuk mengumpul dana bernilai antara RM200 juta hingga RM300 juta dalam tem-

poh dua hingga tiga tahun menerusi platform IAP tersebut.

“Menerusi platform baharu ini, kami berhasrat untuk mewujudkan pasaran yang kondusif bagi memenuhi setiap risiko pelabur serta usahawan dengan pelbagai keperluan dana.

“Ditambah lagi dengan penilaian kredit yang kukuh serta panarafan bebas daripada syarikat penarafan profesional di bawah RAM Holdings, ia menjadi instrumen penting dalam memberikan keyakinan kepada para pelabur untuk menggunakan platform ini,” ujarnya.

Dengan jumlah pembiayaan bermula daripada RM500,000, IAP menyediakan kemudahan bagi membiayai perbelanjaan modal, modal kerja dan berasaskan projek.